

NOTA UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN
ONN, PERDANA MENTERI DI PERJUMPAAN
PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN DAN
AHLI-AHLI JAWATANKUASA UMNO NEGERI
DI RUMAH UMNO, JOHOR BAHRU, PADA
16HB APRIL, 1976, JAM 4.30 PETANG.

1. Mengucapkan terimakasih kepada YAB Tan Sri Dato Haji Othman Saat kerana mengaturkan perjumpaan sempena lawatan resmi ke Negeri Johor. Menyatakan sukacita dapat peluang berjumpa dan berdialog dengan Pegawai Perhubungan dan Ahli-Ahli Jawatankuasa UMNO Negeri di saat yang penting di mana persefahaman, perpaduan dalam parti dan sokongan bulat terhadap pucuk pimpinan parti UMNO dan Barisan Nasional.
2. Menegaskan peranan mereka dalam usaha mengukuhkan kekuatan dan perpaduan parti.

Mesti patuh kepada keputusan dan ketetapan yang telah dipersetujui oleh pucuk pimpinan menerusi peraturan perlembagaan. Menjelas kepada ahli anggota mengenai aturan dan peraturan dalam parti dan perlunya tiap-tiap anggota mematuhiya bagi menjamin disiplin dan keutuhan parti. Semangat dalam demokrasi golongan 'minority' mesti tunduk kepada 'majority'. Keputusan yang diambil secara undi terbanyak mesti dipatuhi tanpa bangkangan.

3. Menerangkan latarbelakang peristiwa yang mengakibatkan pelucutan jawatan dan keahlian Datuk Haji Harun Idris dari parti. Kelicinan Datuk Harun dalam aktivitinya. Menegur sedikit

Ketidakan suasana hati tindakan MKT

— Perhimpunan Agung khas tidak serbi

— Perkara ini boleh dibangkit masa

Perhimpunan bulan Julai dan juga 3rd 17. Plan.

tindakan kurang sihat setengah-tengah gulungan yang menyokong Datuk Harun yang boleh memecah-belahkan perpaduan parti. Minta mereka itu menerangkan sejelas-jelasnya kepada ahli-anggota bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan ahli-anggota mengenai masalah tersebut. Tempoh sekarang penting kerana Bahagian mengadakan mesyuarat.

4. Menyatakan perlunya bagi tiap ahli-anggota mempunyai atau mengenakan 'disiplin diri' disamping mematuhi peraturan parti. Mestilah menjalankan segala tugas dengan jujur dan ikhlas, supaya mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat. Perlu mendampingi

rakyat serta memahami kesulitan mereka dan cuba dengan sedaya upaya menyalurkan masaaalah mereka kepada pihak-pihak tertentu bagi mendapatkan penyelesaian sewajarnya.

5. Disamping menjalankan kewajipan dan tanggungjawab parti, perlu mengawasi kegiatan anasir subversif dan ejen-ejen pengganas komunis yang sentiasa mencari peluang menghidupkan semula hubungan lama mereka di kalangan rakyat yang tidak puas hati terhadap Kerajaan. Setakat ini kegiatan pengganas ini dapat dibendung di kawasan sebelah utara Semenanjung.

Tan Sri G. Razali

Belah membere

Latihan dahulu.

Mattamat Perjuangan

Komunis tidak

berubah - merampas

kuasa & pemerui-

lahan chara

Komunis.

Optic sekeja

berubah.

Factor bahru

- Hanoi,

Russia

Republic China.

Sungguhpun demikian kita harus sentiasa berwaspada kerana adalah taktik musuh negara meluaskan pengaruh dan kegiatan jahat mereka supaya dapat menyeluruhkan hubungannya antara Utara Semenanjung dengan kegiatan di Negeri Sarawak. Pada masa ini, Negeri Johor masih bebas dari anasir 'militant' komunis. Mereka bertujuan menghidupkan pengkalan lama.


6. Ahli-ahli Jawatankuasa perlu memupuk kerjasama erat dengan komponen-komponen parti dalam Barisan Nasional. Memuji Negeri Johor kerana perpaduan Barisan dapat dipelihara dan dipadukan setiap masa.

7. Masa depan parti dan Barisan Nasional perlu difikirkan. Sementara mengeratkan persefahaman, parti-parti jangan berlumba secara tidak sihat.
8. Perlu bersedia dan menyediakan barisan kerana perubahan sentiasa berlaku. Orang-orang muda dengan sikap dan fikiran baru timbul. Nilai-nilai perjuangan lama sudah diketepikan. *orang muda tidak mengetahui ini.*
9. Kita perlu memupuk bakat-bakat baru untuk menjadi pemimpin, menggalakkan perkembangan-perkembangan aktiviti parti yang berdasarkan khidmat, bukan kebendaan.

10. Perlu menjaga kebersihan diri dan parti.
 UMNO perlu di tegakkan dan disuburkan,
 setiap masa. Pemimpin datang dan pergi.
Tetapi parti kita tetap dengan keahlian
dan semangat perjuangannya.



BERKUALITI
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



JUL 1978

Perlu menjaga keberatan diri dan parti.
 Bina perlu di tegakkan dan disuburkan,
 setiap masa. Pemimpin batin dan parti.
 Tetapi parti kita tetap dengan keahlian
 dan semangat perjuangannya.

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978

No. Siri	179
No. Penerimaan	1/78